

03 OCT 1998

Komanwel-Jamuan

LEBIH 15,000 HADIR JAMUAN PERDANA

Oleh: Zaiful Mohd Ariffin

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- "Impian akhirnya menjadi kenyataan", inilah ungkapan yang paling tepat untuk menggambarkan detik kegembiraan pada Jamuan Makan Malam Perdana anjuran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena kejayaan negara menganjurkan Sukan Komanwel ke-16 dari 11 hingga 21 Sept lepas.

Kehadiran lebih 15,000 rakyat Malaysia di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini malam ini yang terdiri daripada para sukarelawan, atlit, penaja, pegawai jabatan-jabatan kerajaan, Polis dan Tentera yang terlibat dalam menjayakan temasya sukan kedua terbesar di dunia itu ternyata memeriahkan majlis yang julung kali diadakan.

Penantian selama enam tahun dikandung bersama impian untuk menjulang nama negara di mata dunia sejak Malaysia memenangi tawaran menganjurkan Sukan Komanwel pada 1992, akhirnya berbalas apabila Malaysia dimartabatkan sebagai penganjur terbaik sukan tersebut.

Hakikat ini diakui sendiri penganjur Sukan Komanwel 2002 Manchester, yang menganggap Malaysia telah meletakkan satu taraf yang tinggi bagi Sukan Komanwel dan adalah sukar bagi mereka untuk menyamaitaraf itu.

Walaupun Malaysia gagal muncul juara keseluruhan namun keupayaan menggondol 10 pingat emas, 14 perak dan 12 gangsa mencoret sejarah tersendiri bagi perkembangan sukan negara.

Nyata, inisiatif kerajaan mewujudkan barisan atlit Projek Jaya '98 membawa pulangan yang cukup membanggakan setelah empat tahun mempersiapkan diri untuk mengibarkan Jalur Gemilang di persada antarabangsa.

Malaysia mencipta sejarah sebagai negara pertama dari Asia yang menganjurkan sukan tersebut.

Kejayaan ini diakui Perdana Menteri yang turut hadir untuk memeriahkan lagi majlis yang turut dihidangi dengan persembahan artis-artis tempatan selain percikan bunga api sebaik tamat ucapan Dr Mahathir.

"Kejayaan ini membuktikan kesungguhan serta disiplin kita dalam usaha untuk menjadi penganjur terbaik dalam sejarah Sukan ini, malah kita turut membuktikan bahawa Malaysia Boleh," kata Dr Mahathir pada ucapannya di majlis itu.

Menurut beliau lebih 20,000 sukarelawan telah membantu kerajaan untuk menjayakan Sukan Komanwel.

"Kita boleh membina stadium sebesar ini (Stadium Nasional) dengan belanja yang besar tetapi untuk menganjurkan sukan seperti Sukan Komanwel adalah lebih sukar daripada hendak menyediakan stadium terancang...tetapi kita rakyat Malaysia telah membuktikan keupayaan kita," kata Dr Mahathir.

Sementara itu Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang turut hadir di majlis itu berkata rakyat Malaysia telah menunjukkan pengorbanan yang tidak ternilai dalam usaha menjayakan sukan itu.

"Kejayaan ini telah meningkatkan martabat Malaysia di mata dunia dan mereka harus akur bahawa rakyat Malaysia mampu melakukan apa sahaja," katanya.

-- BERNAMA

ZMA ZAB